



UNTUK SIARAN SEGERA

29 JUN 2016

**KENYATAAN MEDIA
YB DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM**

"ISU BUDAK PEREMPUAN CACAT DIDERA IBU TIRI"

Merujuk kepada laporan akhbar dan isu yang sedang viral di laman sosial berkaitan penderaan seorang kanak-kanak perempuan berusia 5 tahun yang disyaki didera oleh ibu tirinya, saya terkejut dan sedih dengan apa yg berlaku. Saya telah mengarahkan JKM menjalankan siasatan lanjut. Oleh itu Pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Jajahan Pasir Mas, Kelantan telah pergi ke Wad 5 Hospital Raja Permaisuri Zainab II di mana tempat kanak-kanak tersebut diserahkan iaitu di tempat selamat.

Hasil siasatan awal mendapati bahawa kanak-kanak kini sedang mengalami trauma akibat daripada beberapa kesan kecederaan diseluruh badan seperti retak dirusuk kiri, tulang belakang membengkok akibat tolakan yang kuat ataupun terjatuh dari tempat yang tinggi, kesan patah yang hampir sembuh, beberapa kesan luka di kepala dan badan serta kesan puntung rokok di kemaluan.

Hasil siasatan juga mendapati ibu bapa kanak-kanak tersebut telah bercerai pada tahun 2013 dan kanak-kanak tersebut adalah di bawah jagaan bapa kandung. Temubual bersama ibu kandung juga mendapati beliau hanya berjumpa kanak-kanak pada Ramadhan tahun 2014 dan pada ketika itu tiada kesan-kesan penderaan seperti yang dinyatakan.

Siasatan terperinci sedang dijalankan dan perintah jagaan sementara akan diambil selepas kanak-kanak selesai menjalani rawatan kerana kanak-kanak tersebut didapati tidak boleh banyak bergerak.

JKM akan mengambil tindakan utk perintah jagaan sementara kepada ibu kandung sekiranya bersesuaian. Selain itu, khidmat kaunseling dan bimbingan utk mengendalikan kes ini kepada ibu kandung akan disediakan oleh JKM supaya kanak-kanak ini dapat dijaga dengan sempurna. JKM juga turut memberikan perhatian serius terhadap kebajikan kanak-kanak tersebut.

YB DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM

###